



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Panduan guna aplikasi telefon pintar

BERIKAN panduan dan cara selamat menggunakan aplikasi dalam telefon pintar yang mempunyai talian internet.

- **ABDUL KARIM, KLANG.**

APLIKASI komputer dalam pengkomputeran mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet dalam persekitaran Internet ada dua jenis iaitu *mobile web apps* atau aplikasi mudah alih berasaskan web dan *mobile apps* atau aplikasi mudah alih.

Oleh itu, bagi aplikasi mudah alih berasaskan web, ia memerlukan pelayar web untuk mencapai aplikasi tersebut. Aplikasi mudah alih memerlukan pemasangan aplikasi tersebut ke dalam telefon pintar atau komputer tablet. Seperti aplikasi media sosial Facebook, ada yang boleh dicapai menerusi pelayar web dan ada aplikasi Facebook yang perlu dipasang ke dalam telefon pintar atau komputer tablet.

Bagi cara selamat dan betul menggunakan aplikasi mudah alih berasaskan web, boleh dilihat perbincangan-perbincangan lalu dalam ruangan ini berkenaan dengan keselamatan web, keselamatan Internet, keselamatan komputer dan lain-lain yang berkaitan dan sesuai. Perbincangan ini akan memfokus kepada panduan selamat penggunaan aplikasi mudah alih dalam telefon pintar atau komputer tablet dengan talian Internet.

- Pastikan aplikasi mudah alih diperoleh daripada web storan aplikasi atau *Apps Store* yang boleh dipercayai seperti *Apple App Store*, *Google Play* dan lain-lain. Ini termasuk memastikan aplikasi yang diperoleh mempunyai kualiti dan sokongan yang baik.

- Hadkan penggunaan sesuatu aplikasi mudah alih hanya dengan sambungan ke talian Internet atau Wi-Fi yang terjamin keselamatannya. Elak penggunaan sambungan ke talian Wi-Fi awam seperti yang terdapat di kedai-kedai kopi dan lain-lain. Ini juga dapat mengurangkan terdedahnya kata laluan yang digunakan dalam sesuatu aplikasi mudah alih.

- Sekiranya perlu dan ada, aktifkan penggunaan sistem pengesahan multi faktor dalam aplikasi mudah alih yang digunakan. Ia merupakan cara lebih selamat untuk mengelakkan capaian akaun aplikasi secara tidak sah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

- Sentiasa kemas kini maklumat keselamatan dan ancaman berkaitan dengan aplikasi mudah alih yang digunakan.